

SOALAN LAZIM (FAQ'S)

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (*MOVEMENT ORDER*) DAN ARAHAN PENANGGUHAN SELURUH OPERASI PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG MULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020

A. BERKAITAN STAF UMP

1. Apakah status kehadiran saya pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020?

Daftar masuk (*check in*) dan daftar keluar (*check out*) tidak perlu dilakukan serta tiada permohonan arahan kerja (*work order*) yang perlu dilakukan oleh staf. Bahagian Sumber Manusia akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memelihara rekod kehadiran staf.

2. Saya telah memohon Cuti Rehat sepanjang tempoh yang telah dinyatakan (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), adakah saya perlu membatalkan Cuti Rehat?

Bagi staf yang telah memohon Cuti Rehat pada tarikh yang telah dinyatakan, staf boleh membuat pembatalan permohonan Cuti Rehat mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

3. Adakah saya dibolehkan untuk melaksanakan sebarang urusan melibatkan pihak luar?

Sebarang aktiviti yang melibatkan pihak luar perlu ditangguhkan serta merta kecuali pengusaha makanan, kesihatan, keselamatan, pencucian dan baik pulih. Sebarang pengecualian pematuhan perlulah mendapat kelulusan Naib Canselor.

4. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan, adakah saya boleh berada di tempat selain daripada alamat rumah yang telah didaftarkan dengan Bahagian Sumber Manusia?

Staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan kepentingan universiti seperti keselamatan, kesihatan atau staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkaitan oleh Ketua Jabatan hendaklah bertugas seperti yang diarahkan.

Semua staf diminta untuk memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

5. Adakah saya perlu bekerja dari rumah?

Selaras dengan penutupan operasi UMP dalam tempoh yang telah dinyatakan, semua staf perlu **sentiasa berada di dalam mod sedia**. Sebarang kerja yang perlu dilakukan adalah tertakluk kepada keperluan perkhidmatan menerusi arahan daripada Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

B. BERKAITAN PELAJAR

1. Adakah Kafeteria beroperasi di dalam kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Ya. Kafeteria universiti akan beroperasi seperti biasa dalam kampus. Namun demikian pengusaha hanya menyediakan **makanan yang dibawa pulang sahaja dibenarkan (makanan dibungkus)** atau *pack* mengikut ketetapan yang dikuatkuasakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

2. Bagaimana jika anak saya jatuh sakit?

Pelajar boleh mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang masih beroperasi dalam waktu pejabat.

Pelajar boleh menghubungi **PKU Gambang (09-5493111)** atau **PKU Pekan (09-4245777)** pada waktu pejabat atau talian **Hotline Res-Q 09-549 3333**. Selepas waktu pejabat, pelajar juga boleh menghubungi felo di Kolej Kediaman masing-masing.

3. Bagaimana untuk membawa balik anak merentasi negeri?

Ibu bapa boleh menyemak peraturan terkini perjalanan merentasi negeri yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa/ Majlis Keselamatan Negara (MKN).

4. Adakah semua pelajar dikehendaki pulang ke kediaman masing-masing?

Pelajar UMP boleh kembali ke kediaman masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Walaubagaimanapun, pelajar digalakkan untuk terus kekal di dalam kampus.

Bagi pelajar yang tidak berkeupayaan untuk pulang ke kediaman mereka, pelajar perlu melaporkan terus kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan mengisi borang atas talian yang boleh dicapai menerusi **Facebook: fb.me/mppump.official** atau menerusi talian **Hotline Res-Q 09-549 3333**.

5. Bagaimana dengan pelajar antarabangsa?

Pelajar luar negara dinasihatkan pulang ke negara asal dalam tempoh ini. Pelajar yang pulang ke negara asal tidak dibenarkan kembali ke Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa.

Bagi pelajar yang tidak berkeupayaan untuk pulang ke kediaman mereka, pelajar perlu melaporkan terus kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan mengisi borang atas talian yang boleh dicapai menerusi **Facebook: fb.me/mppump.official** atau menerusi talian **Hotline Res-Q 09-549 3333**.

6. Adakah UMP menyediakan pengangkutan untuk hantar pelajar ke terminal bas dan lapangan terbang yang berhampiran?

Pihak UMP akan meneruskan usaha menghantar pelajar pulang sehingga 18 Mac 2020 (Rabu) berdasarkan kepada kemampuan dan perkhidmatan yang sedia ada dalam universiti. Namun begitu, pelajar dinasihatkan untuk kekal berada di dalam kampus.

7. Bagaimana status pelajar yang tinggal di luar kampus, perlukah melaporkan ke Bilik Gerakan?

Pelajar luar kampus hendaklah melaporkan status dengan mengisi borang atas talian yang boleh dicapai menerusi **Facebook: fb.me/mppump.official** atau menerusi talian **Hotline Res-Q 09-549 3333**.

8. Bolehkah pelajar yang tinggal di luar kampus untuk tinggal di Kolej Kediaman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa?

Pelajar perlu berbincang dan mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

9. Apakah jaminan UMP untuk keselamatan pelajar yang tinggal dalam kampus?

Pihak universiti sentiasa memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar. Namun demikian pelajar dinasihatkan agar mematuhi langkah-langkah pencegahan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pekeliling dalaman berkaitan COVID-19.

Hubungi talian (24 Jam) Bahagian Keselamatan Kampus Pekan 09-4245768 atau Kampus Gambang / **Hotline Res-Q 09-549 3333**.

C. LAIN-LAIN

1. Adakah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini pelajar bercuti?

Ya. Pihak UMP telah **menjadualkan semula cuti pertengahan Semester 2, Sesi 2019/2020** yang dijadualkan pada 4 - 12 April 2020 dipinda kepada 18 - 31 Mac 2020. Oleh yang demikian, tiada aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk dalam talian bagi tempoh tersebut.

Sesi pengajaran dan pembelajaran akan bermula semula pada 1 April 2020 dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

2. Bagaimana staf boleh bekerja dari rumah di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?

Pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) menyediakan perkhidmatan melaksanakan kerja dari rumah bagi tujuan **mesyuarat dan perbincangan atas talian menggunakan Google Meet**. Klik pada pautan <http://bit.ly/ptmk-meet> untuk akses penggunaan manual.

3. Bolehkah saya masuk ke pejabat atau bangunan UMP?

Tidak dibenarkan. Namun boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai sebab tertentu dan **mendapat kelulusan daripada Naib Canselor**. Staf perlu mendaftar di Pos Keselamatan UMP dan pihak PTKM telah mengaktifkan Sistem *Card Access* secara 24 jam di seluruh UMP. Staf boleh mengakses pintu-pintu yang berkenaan dengan menggunakan *Smartcard* masing-masing.

Bagi pintu-pintu yang tidak mempunyai Sistem Kad Akses perlu mendapatkan kerjasama pihak Fakulti / PTJ untuk menggunakan kunci manual bagi memastikan keselamatan premis.

4. Perlukah buku dipulangkan sepanjang tempoh penutupan Perpustakaan dan UMP ?

Tidak perlu dipulangkan. Denda lewat pemulangan telah dibekukan bermula 16 Mac – 12 April 2020.

5. Dimanakah boleh mendapatkan bahan untuk rujukan dan pembacaan?

Anda boleh menggunakan koleksi digital melalui <https://umplibary.ump.edu.my/index.php/en/e-resources>

Dikemaskini oleh:

Jawatankuasa Bertindak Bencana Universiti
18 Mac 2020 jam 12.35 t/hari